

Kabinet tarik balik keputusan

# Wilayah tetap cuti 1 Februari

B.H 21 JUL 1989

**KUALA LUMPUR, Khamis**

**MESYUARAT** Kabinet semalam menarik balik keputusannya membatalkan 1 Februari — Hari Wilayah Persekutuan — sebagai cuti am.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Encik Othman Abdul, berkata beliau diberitahu mengenai penetapan semula 1 Februari sebagai cuti am Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat lalu, mesyuarat Kabinet JPM.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberitahu mesyuarat itu bahawa Kabinet menarik balik keputusan awalnya.

Bagaimanapun, tidak diketahui bila Kabinet memutuskan untuk membatalkan 1 Februari sebagai cuti am.

Keputusan membatalkan Hari Wilayah Persekutuan sebagai cuti am cuma diketahui umum apabila Bahagian Kabinet JPM mengeluarkan surat pekeliling bertarikh 6 Julai.

Surat itu menyenaraikan jadual cuti am bagi Persekutuan dan semua negeri bagi tahun 1990.

Surat pekeliling itu ditandatangani oleh Encik Sabri Haji Said dari Bahagian Kabinet bagi pihak Ketua Setiausaha Kerajaan, Tan Sri Sallehuddin Mohamed.

Dengan keputusan semalam, Wilayah Persekutuan tetap ada 15 hari yang diwartakan sebagai cuti am, termasuk masing-masing dua hari bagi Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina.

Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974 dan sejak itu, 1 Februari adalah cuti am di Wilayah Persekutuan.

— Bernama.